

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 15 OGOS 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI Gesa IKS Teroka Pasaran Global Menerusi E-dagang	BERNAMA
2.	MOSTI cadang siar saluran TV Sains	Berita Harian
3.	MOSTI Lepasi Sasaran Pengkomersilan R&D Tahun Ini	BERNAMA
4.	Malaysia Bakal Lancar Saluran TV Sains	BERNAMA
5.	Pesakit buah pinggang dapat perhatian pemimpin	Harian Metro
6.	Water shortage puts private projects in jeopardy	The Malay Mail
7.	Amaran Angin Kencang,Laut Bergelora 72 Jam Akan Datang	BERNAMA
8.	Teraju bantu pemenang Superb	Utusan Malaysia
9.	Asean logistics show comes to town in Sptember	The Malay Mail

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 15 OGOS 2014 (JUMAAT)**



## **Mosti Gesa IKS Teroka Pasaran Global Menerusi E-dagang**

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Komuniti perniagaan Malaysia terutama industri kecil dan sederhana (IKS) digesa menembusi pasaran global menerusi e-dagang bagi mempertingkat aliran perolehan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Ewon Ebin** berkata IKS meliputi 97 peratus daripada sektor perniagaan di Malaysia.

"Bagaimanapun kira-kira 70 peratus daripada mereka tidak mempunyai laman sesawang yang memaparkan maklumat syarikat," katanya semasa berucap dalam Persidangan E-Dagang 2014, di sini Khamis.

Katanya jika diwujudkan perkhidmatan dalam talian, usahawan dapat menarik lebih banyak pelanggan sekali gus meningkatkan sumbangan IKS dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"IKS hanya menyumbang 33 peratus kepada KDNK dan kita boleh meningkatkan pertumbuhan KDNK menerusi IKS dengan membantu mereka mengembangkan potensi masing-masing," katanya.

Menurut Ewon pada tahun lepas, pasaran e-dagang Malaysia bernilai RM3.65 bilion dengan RM1.82 bilion disumbang oleh perdagangan menerusi peranti mudah alih.

"Untuk tahun ini kita masih meneliti nilai sasaran. Saya harap kita boleh meningkatkan angka itu," katanya.

Beliau berkata kementeriannya juga menganjurkan program pengkomersialan yang menyediakan bantuan dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan produk e-dagang.

"Di bawah program ini, Mosti menghasilkan 58 produk e-dagang menerusi program penyelidikan dan pembangunan yang dilaksana kementerian bagi mencapai sasaran 60 produk e-dagang menjelang hujung tahun ini," katanya.

Beliau berkata Malaysia mencatatkan penggunaan Internet harian tertinggi dalam kalangan negara Asean yang mencipta peluang pasaran untuk komuniti perniagaan.

-- BERNAMA

# MOSTI cadang siar saluran TV Sains

» Rancangan dokumentari galak pelajar meminati bidang sains

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bercadang memperkenalkan saluran televisyen Sains berbentuk dokumentari yang disiarkan secara percuma kepada rakyat Malaysia tidak lama lagi.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata siaran yang akan diterbitkan oleh syarikat produksi tempatan itu bakal berisi selama 12 jam setiap hari.

Katanya, pengenalan saluran terbaharu itu adalah usa-

ha MOSTI untuk menggalakkan rakyat Malaysia, terutama pelajar meminati Sains.

“MOSTI menjangkakan untuk mengadakan prapelancaran saluran Sains ini pada November depan selepas membentangkan kepada kerajaan berhubung cadangan itu,” katanya pada taklimat media sempena Hari Penyelesaian Autodesk 2014 di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengarah Urusan Autodesk ASEAN, V R Srivatsan; Timbalan Pengurus Besar Mekanikal dan Elektrikal Ahmad Zaki Resources Bhd (AZRB), Azrul Azmadi Mokhtar dan Ketua Rekaan Kejuruteraan SIRIM Bhd, Victor Devadass.

## Rancangan menarik

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata, antara dokumentari yang akan disiarkan menerusi saluran baharu itu ialah kandungan inovasi, saintis masa depan, pencapaian sains di Malaysia dan pencapaian dalam teknologi perubatan serta herba.

Katanya, MOSTI bercadang untuk mewujudkan saluran Sains secara dwibahasa dalam usaha meningkatkan kefahaman penonton mengenai setiap kandungan yang disiarkan itu.

Beliau berkata, perincian seperti pemilihan stesen televisyen belum dimuktamadkan, tetapi majoriti kandungan adalah terbitan tempatan.

## Jalin kerjasama

“MOSTI berkemungkinan akan bekerjasama dengan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) bagi merealisasikan penyiaran saluran Sains ini,” katanya.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, MOSTI juga merancang untuk membangunkan pusat pengkomersialan bernilai RM250 juta di Taman Teknologi Malaysia, di Bukit Jalil.

“Kami merancang untuk menempatkan semua produk itu di bawah satu bumbung bagi mempamerkan kreativiti Malaysia kepada dunia,” katanya.



“*MOSTI bercadang untuk mewujudkan saluran Sains secara dwibahasa dalam usaha meningkatkan kefahaman penonton mengenai setiap kandungan yang disiarkan itu*”

**Abu Bakar  
Mohamad Diah,  
Timbalan Menteri Sains,  
Teknologi dan Inovasi**

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 15 OGOS 2014 (JUMAAT)**



## **MOSTI Lepasi Sasaran Pengkomersilan R&D Tahun Ini**

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** ke arah melepassi sasaran pengkomersilannya sekurang-kurangnya 60 projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan pada tahun ini.

Kementerian telah membantu mengkomersilkan 58 projek setakat ini tahun ini, kata **Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**.

"Projek-projek ini merangkumi semua sektor, daripada bioperubatan, perubatan, teknologi, industri hingga elektronik," katanya kepada pemberita selepas menghadiri persidangan Autodesk Solutions Day di sini Khamis.

Kementerian telah menetapkan sasaran untuk mengkomersilkan 60 projek R&D setiap tahun mulai tahun ini, menjadikan bilangannya kepada 360 menjelang 2020.

Setakat ini, syarikat-syarikat Malaysia hanya mengkomersilkan antara lapan hingga 10 peratus daripada R&D mereka, berbanding kadar negara-negara maju sebanyak 15 peratus, kata Abu Bakar.

MOSTI memperuntukkan RM750 juta dana bagi inisiatif pengkomersilan pada tahun ini.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 15 OGOS 2014 (JUMAAT)**



## **Malaysia Bakal Lancar Saluran TV Sains**

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** merancang untuk mengadakan saluran televisyen mengenai sains ala National Geography versi Malaysia.

"Saluran ini akan menampilkan pencapaian dan inovasi Malaysia dalam landskap sains dan teknologi selain mengetengahkan saintis serta memupuk bakat bakal ahli sains," kata **Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**.

Menurutnya saluran itu menyamai National Geography atau Discovery tetapi dibuat dalam konteks Malaysia bagi memupuk minat rakyat dalam bidang sains dan teknologi memandangkan negara ini sedang berusaha menjadi negara berteknologi tinggi.

Abu Bakar berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan merasmikan Persidangan 'Autodesk Solutions Day', di sini Khamis.

Beliau berkata perincian seperti pemilihan stesen televisyen masih dalam peringkat dimuktamadkan, bagaimanapun sasarnya ialah menyiaran saluran selama 12 jam dengan majoriti kandungan adalah terbitan tempatan.

Selain itu, Mosti juga merancang untuk membangunkan pusat pengkomersialan bernilai RM250 juta menerusi Bajet 2015.

"Banyak idea dan prototaip yang dihasilkan menerusi penyelidikan dan pembangunan terbiar begitu sahaja dan ini satu pembaziran. Kami merancang untuk menempatkan semua produk itu di bawah satu bumbung bagi memaparkan kreativiti Malaysia kepada dunia," katanya.

Pusat itu akan dibangunkan di Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (METROPLUS): MUKA SURAT 4**  
**TARIKH: 15 OGOS 2014 (JUMAAT)**

**Melaka:** Nasib seorang bekas kakitangan Pejabat UMNO Bahagian Tangga Batu yang kini berdepan masalah kesihatan sejak melahirkan anak ketiga lebih setahun lalu mendapat perhatian kepemimpinan bahagian terbabit yang menziarahinya, baru-baru ini.

Zainab Ramli, 41, yang kini menumpang di rumah ibunya di Kampung Lapan, Lorong Pandan, di sini, sebelum ini berkhidmat sebagai kerani di Pejabat UMNO Bahagian Tangga Batu selama 10 tahun.

Justeru, atas keprihatinan dan demi mengenang khidmat bekas kakitangan terbabit, Ahli Parlimen Tangga Batu Datuk Dr Abu Bakar Md Diah meluangkan masa menziarahi wanita itu selain menyampaikan sumbangan peribadi.

Zainab berkata, kesihatannya semakin merosot selepas melahirkan anak lelaki bongsu lebih setahun lalu.

Katanya, sebelum itu, dia menghidap penyakit kencing manis dan darah tinggi, namun selepas bersalin, kesihatannya semakin terjejas sehingga dikesan menghadapi masalah buah pinggang.

## Pesakit buah pinggang dapat perhatian pemimpin



**ABU Bakar (kanan) melihat keadaan kaki Zainab yang membengkak ketika menziarahinya di rumahnya.**

Menurutnya, masalah itu menyebabkan kedua-dua kakinya membengkak dan bergantung pada alat sokongan iaitu tongkat berkaki empat selain kerusi roda untuk bergerak.

Selain anak bongsu berusia 18 bulan, Zainab dan


suaminya, Awalludin Abd Karim, 40, turut mempunyai dua anak lelaki berusia 15 dan 18 tahun manakala suaminya pula bekerja sendiri dengan pendapatan RM1,500 sebulan.

Sementara itu, Awalludin berkata, satu buah pinggang

isterinya mungkin rosak dipercaya berpunca akibat memakan terlalu banyak ubat.

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata, beliau bersimpati dengan nasib dialami Zainab yang kini berdepan dengan masalah kesihatan.

# Water shortage puts private projects in jeopardy



Dark clouds form over the Batu dam. The Meteorological Department is conducting cloud-seeding operations every day in a bid to raise water levels.

PETALING JAYA — More than 800 development projects in the Klang Valley are being jeopardised by the water issue in Selangor, National Water Services Commission (SPAN) revealed yesterday.

Its executive director, Mohd Ridhuan Ismail, said these private sector projects were being reviewed by a special committee comprising the state government and the water companies.

The housing, factory and commercial projects would be individually reviewed by the committee with special attention given to smaller projects that had been given prior approval.

"The projects suffered delays or failed to get approval due to the water shortage. The reason why the developments were not approved was because it was just impossible to do so. At present, there is no water for the reserve margin required for every project," he said.

Asked if this meant the state's current water supply could deplete if all the projects are carried out, Mohd Ridhuan said "yes".

By Alexander Winifred  
[alexander@mail.com.my](mailto:alexander@mail.com.my)

However, he could not provide the total value of the projects affected.

Cloud-seeding operations are being conducted over the water catchment areas across Selangor every day to raise the water levels at the dams.

Meteorological Department (MET) deputy director-general Alui Bahari said a team comprising officers from the department and members of the Royal Malaysian Air Force would begin the day with a briefing session before heading out to fly over the dams.

"Within two to three hours, the plane would have flown over two or three areas, and the operation will be complete," he said.

Alui said the department would then, through the use of radar technology, monitor cloud formation activity to gauge their success rate as well as for analysis purposes.

## WATER CHAOS



"When we are very successful, a lot of rain will fall on the catchment areas," he said.

The department has forecast isolated storms and rain throughout the weekend in the Klang Valley, which Alui attributed to the monsoon season.

As of 8am yesterday, the water level at the Sungai Selangor dam remained at 32.10 per cent and recorded a total of 19.01mm rainfall from the day before.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 15 OGOS 2014 (JUMAAT)**



## **Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora 72 Jam Akan Datang**

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora dijangka berterusan bagi tempoh 72 jam akan datang dengan keadaan angin kencang sehingga 50 kmph dan ketinggian ombak sehingga mencapai 3.5 meter.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi** pada Khamis, aktiviti ribut petir yang berlaku di perairan Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Sarawak (Miri, Bintulu dan Mukah) serta Wilayah Persekutuan Labuan dijangka berterusan sehingga tengah hari Khamis.

Sementara itu aktiviti ribut petir di perairan Bunguran, Reef South, Reef North dan Sulu juga dijangka berterusan sehingga tengah hari ini.

Keadaan ini berbahaya kepada bot kecil, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 19**  
**TARIKH: 15 OGOS 2014 (JUMAAT)**

# Teraju bantu pemenang Superb

Oleh AZIZI MAJID  
ekonomi@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 14 Ogos - Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dengan kerjasama 11 agensi kerajaan akan menyediakan program pembangunan perniagaan memastikan pemenang program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (Superb) dapat mengembangkan perniagaan masing-masing.

Pengarah Program Koridor Ekonominya, Bestari Abrar Nasiruddin berkata, agensi yang terlibat ialah Cradle Fund Sdn. Bhd. (CFSB), Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd., SME Bank Berhad, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) serta Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGIC).

Turut terlibat sama, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV), Malaysia Venture Capital Management (Mavcap), Malaysia Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (Biotech Corp) dan Multimedia Development Corporation.

“Kesemua 13 pemenang Superb siri pertama dan 15 pemenang siri kedua telah diserapkan ke agensi kerajaan yang bersesuaian bagi memudahkan geran Superb sehingga RM500,000 yang dimesnangi disalurkan kepada mereka.

“Selain itu, kita turut menyediakan program-program pembangunan yang bersesuaian bagi memastikan para pemenang dapat mengembangkan lagi potensi diri dan perniagaan masing-masing pada masa depan,” katanya dalam siri jelajah Superb yang pertama di sini hari ini.

Program Superb diperkenalkan pada 27 Januari lalu merupakan program yang diwujudkan khusus untuk membantu usahawan bumiputera dengan mengetengahkan idea perniagaan berkualiti tinggi bagi merebut geran sebanyak RM100 juta yang disediakan bagi tempoh tiga tahun ini.

Bestari Abrar berkata, Jawatankuasa Pemantau Superb yang ditubuhkan Teraju sebelum ini juga akan memantau perkembangan para pemenang secara berterusan dalam tempoh dua tahun bagi memastikan mereka berada pada landasan yang betul.

**KERATAN AKHBAR  
THE MALAY MAIL (MONEY) : MUKA SURAT 23  
TARIKH: 15 OGOS 2014 (JUMAAT)**

**Asean logistics  
show comes to  
town in September**

**KUALA LUMPUR** — The anticipated participation of 220 companies from over 10 countries at the Asean Logistic & Transport Show 2014 (ALTS 2014) underlines the importance of the logistics and transport sector as a part of the economic backbone of the country. ALTS 2014, which is in its second year, is organised by Fairs & Events Management Sdn Bhd (FEMSB) and will be held at the Malaysia International Exhibition & Convention Centre (MINES) from September 25 to 27. The three-day showcase is endorsed by the Ministry of Transport, European Union-Malaysia Chamber of Commerce & Industry (EUMCCI), Federation of Malaysia Freight Forwarders Association (FMFFM), SIRIM, and the Asia Logistics Council, amongst others.